



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424
E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

26 Februari 2024

TPNS MEMBENTUK HARAPAN MEWUJUDKAN PELAJAR BERPENDIDIKAN TINGGI DI SABAH

KOTA KINABALU (Isnin): Penubuhan Tabung Pendidikan Negeri Sabah (TPNS) menjadi landasan bagi membolehkan lebih ramai anak-anak Sabah khususnya golongan B40 berpeluang ke institusi pengajian tinggi. Usaha mewujudkan TPNS ini juga selaras dengan salah satu teras hala tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) iaitu meningkatkan pembangunan modal insan dan merupakan salah satu daripada inisiatif bagi membangunkan agenda pendidikan di negeri ini.

Satu Majlis Penyerahan TPNS yang disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana TPNS, Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif telah diadakan pada 26 Februari 2024 di Wisma Bandaraya, Kota Kinabalu.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar dan ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana TPNS.



Gambar 1 : Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin menyampaikan bantuan TPNS kepada Tuan Haji Samin Haji Ongki, Ketua Pegawai Eksekutif, Kolej Teknologi Yayasan Sabah.



Gambar 2 : Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin menyampaikan bantuan TPNS kepada salah satu siswa.



Gambar 3 : Gambar berkumpulan.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com